

# Mahathir mahu perancangan Langkawi utamakan aspek pemeliharaan alam sekitar

UM 8 JAN 1991

LANGKAWI 5 Jan. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu perancangan masa hadapan Langkawi memberi perhatian utama kepada aspek pemeliharaan alam sekitar sejajar dengan Deklarasi Langkawi.

Katanya, pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar di pulau ini perlu diseimbangkan supaya keduanya saling melengkapi antara satu sama lain.

"Saya merasa bangga kerana rancangan struktur Langkawi telah memberi perhatian yang wajar kepada perkara-perkara berkenaan dan berharap ianya akan menjadi asas tuju arah pembangunan masa hadapan Langkawi," katanya dalam perutusan di buku draf rancangan struktur Langkawi.

Beliau menegaskan, untuk menampung pertumbuhan kemasukan pelancong, perancangan kemudahan dan perkhidmatan pelancongan perlu dipergiatkan.

Dalam konsep ini, kata Perdana Menteri, Langkawi mempunyai potensi yang baik untuk dimajukan sebagai salah satu destinasi pelancongan yang utama di rantau ini.

Menurutnya, Langkawi sememangnya kaya dengan ciri-ciri unik dan keindahan alam semulajadi yang menjadi aset utama tarikan pelancong dan ini boleh digunakan secara bijaksana untuk memajukan industri pelancongan.

"Adalah menjadi hasrat kerajaan untk sentiasa berusaha mempertingkatkan tahap pembangunan serta taraf kehidupan di negara ini," ujarnya.

Selaras dengan hasrat ini kerajaan katanya, telah mengenalpasti industri pelancongan sebagai mempunyai potensi yang luas untuk diperkembangkan menjadi salah satu sumber terpenting pendapatan negara.

Menurut Perdana Menteri, promosi besar-besaran sempena Tahun Melawat Malaysia 1990 telah mula menjadikan Malaysia semakin dikenali sebagai destinasi pelancongan terutama di kalangan negara-negara Amerika Utara, Eropah dan Jepun.

Katanya, kemasukan pelancong berlipatganda dan ini menunjukkan hasil usaha kerajaan memperkukuhkan sektor ini telah mendatangkan hasil.